

Jumaat – 22 November 2019

Halaman : 22

22A

Jumaat 22.11.2019 | Harian Metro

## lokal



AJAN dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tiga pertuduhan menyimpan dua gading gajah serta memiliki selaras senapang dan 31 butir peluru tanpa permit.

# Simpan gading

Lelaki Orang Asli turut miliki senapang, peluru  
12 November lalu tidak mengaku bersalah

Oleh Ramli Ibrahim  
am@hmetro.com.my

### Gua Musang

**S**orang lelaki Orang Asli dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan menyimpan dua gading gajah serta memiliki senapang dan 31 peluru tanpa permit pada 12 November lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Ajan Yatim, 51, yang bekerja sendiri tidak mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menyimpan dua gading gajah iaitu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dan disenaraikan dalam jadual kerja kelas Mamalia Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) tanpa permit khas daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman

Negara (Perhilitan).

Berikutan itu, Ajan didakwa mengikut Seksyen 68(1)(b) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa memiliki selaras senapang jenis Steven dan 31 peluru tanpa lesen atau permit senjata.

Bagi pertuduhan kedua, Ajan didakwa mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang boleh dihukum penjara sehingga 14 tahun dan maksimum enam sebatan jika disabitkan kesalahan manakala pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 8 (a) Akta Senjata 1960 dan jika sabit kesalahan boleh di-

penjara maksimum tujuh tahun atau dengan maksimum RM10,000

atau kedua-duanya.

Tertuduh didakwa melakukan ketiga-tiga kesalahan itu di satu lokasi beralamat Kampung Sugi Pos Pasik di sini, jam 6 petang, 12 November lalu.

Pendakwaan bagi pertuduhan pertama dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Primus Lambut dan pertuduhan kedua serta ketiga dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Habibullah Mohammad Shah manakala tertuduh diwakili peguam, Mariana Mat Kudin.

Zaman menetapkan 19 Januari tahun depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan memerintahkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan.

Akhbar sebelum ini melaporkan, seorang lelaki Orang Asli ditahan bersama senapang patah dan dua gading gajah dalam Operasi Bersepadu Khazanah di Kampung Sugi, Gua Musang, 12 November lalu.

Dalam operasi jam 6 petang itu, turut ditemui bersama lelaki berusia 51 tahun itu 31 peluru hidup.

Turut ditemui bersama Ajan adalah 31 peluru hidup